



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BULETIN ELCAFE FSSK UMS**

**EDISI 1**

**APRIL 2021**

## **RUANGAN TETAP**

**Pengenalan Edisi Pertama, 2**

**Fokus Bulanan**  
Blended Learning di  
SmartUMS, 3



**Laporan Bulanan**  
Pencapaian Fakulti: Sem 1  
2020-2021, 5  
Pencapaian Fakulti April  
2021, 5-8

**Isu semasa**  
Taksonomi Blooms-Sepintas  
Lalu, 9

**Aktiviti Pelajar,**  
Sesi Perkongsian Industri, 11

**e-SBN 0000000**

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**



## ALUAN DEKAN SEMPENA EDISI PERTAMA

Assalamualaikum dan Salam  
Sejahtera,

Terlebih dahulu saya mewakili seluruh warga fakulti ingin mengalu-alukan penerbitan pertama bulletin ini.

Peranan dan kepentingan e-pembelajaran sememangnya tidak dapat dinafikan lagi termasuklah dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Fenomena ini kelihatan lebih signifikan dalam era perkembangan masa kini yang menuntut interaksi secara maya kesan kawalan terhadap interaksi secara fizikal.

Norma baharu ini turut menuntut penyesuaian di kalangan ahli fakulti bagi memastikan misi dan visi fakulti

tetap tercapai dalam pelbagai situasi.

Sehubungan dengan itu, proses penerapan dan pengukuhan terhadap pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian perlulah dilakukan secara berterusan.

Keadaan ini disebabkan sifat dan kepelbagaian teknologi yang sentiasa berubah sesuai dengan perubahan semasa. Semoga dengan kehadiran buletin ini, usaha berterusan tersebut akan dapat dijayakan dan ahli fakulti akan dapat berkongsi pengalaman dalam norma baharu ini.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi untuk buletin pertama ini. Semoga kita semua mendapat manfaat dan terus menyesuaikan diri dalam persekitaran dan norma baharu!

**Bertekad Cemerlang.**

Prof. Madya Dr. Asmady Idris



## DARI MEJA PENYELARAS

Salam Pertemuan,

Kewujudan BULETIN ini telah lama dirancang dengan tujuannya adalah untuk melatih serta menyebarkan luaskan aktiviti pembelajaran secara dalam talian yang telah dilakukan di fakulti ini. Penekanan tersebut tidak dapat dielakkan sejak dunia dibataskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan demi membendung penularan wabak covid-19. Sejajar dengan perubahan tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan bagi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa mengenepikan prinsip dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan bahan bacaan ini akan menjadi medium penyimpanan dan rekod bagi mengimbangi kewujudan wacana bersifat dalam talian (online).

Terima Kasih,  
Mahadirin Hj.Ahmad



### Bertekad Cemerlang

*"Ilmu yang dicari adalah untuk disebarluaskan seperti bunga menyebarkan wanginya"*

## PENGENALAN EDISI PERTAMA

### Pendahuluan

Kemunculan buletin ini adalah sebahagian dari usaha untuk merekodkan proses perkembangan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang diamalkan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.



### E-Pembelajaran?

Proses PNP secara e-pembelajaran merupakan suatu pelengkap kepada proses pembelajaran secara tradisional yang telah diamalkan sejak FSSK mula d'tubuhkan pada tahun 1994. Keperluan ini semakin mendesak sejak berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada Mac 2020.

## Kaedah dan Tujuan

Beberapa pendekatan telah digunakan iaitu:

1. Pembelajaran Teradun,
2. Pembelajaran Kendiri,
3. Pembelajaran Bebas.

Sehubungan dengan itu, edisi pertama ini akan memperkenalkan kandungan utama buletin iaitu Laporan Bulanan Pencapaian BL Fakulti.

Di samping itu, beberapa segmen lain turut dimuatkan iaitu Tamu Bulanan, Isu Semasa dan Aktiviti Pelajar.



Objektif utama adalah untuk merekodkan proses serta usaha berterusan bagi mencapai matlamat yang seragam di kalangan para pensyarah.

## FOKUS BULAN INI


### BLENDED LEARNING-SMART3UMS

#### PERKARA-PERKARA UTAMA BERKAITAN E-PEMBELAJARAN


#### CARA PENGIRAAN KURSUS YANG DIANGGAP BL -1732

Pengenalan konsep 1732 adalah merupakan suatu usaha bagi memudahkan proses pencapaian kursus yang dianggap telah mencapai tahap minima untuk dianggap sebagai mengamalkan konsep teradun.

#### INFO GRAFIK



## Penerangan 1732



### 1 Bahan untuk Ringkasan Kursus

Fail ini berkaitan Sinopsis atau Table 4 (MQA)

### 7 Bahan Pengajaran

Fail ini merangkumi Nota Kuliah dan bahan Bacaan Tambahan

### 3 Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti yang melibatkan pembelajaran di kalangan pelajar seperti menyertai forum, chat dan sebagainya

### 2 Aktiviti Penilaian

Penilaian dilakukan terhadap tugas tertentu yang melibatkan tugas dan peperiksaan

The screenshot shows the 'Add an activity or resource' dialog box. It lists various activity and resource types. Arrows point from numbered callouts to specific items:

- Callout 1 (Blue):** Points to 'Table 4 (PDF)' under ACTIVITIES.
- Callout 2 (Orange):** Points to 'At least, any 2 of these items:' under ACTIVITIES.
- Callout 3 (Green):** Points to 'At least, any 3 of these items: (Examples)' under ACTIVITIES.
- Callout 4 (Red):** Points to 'At least, any 7 of these items: - any notes that you give to the students PDF or PPT files, or - YouTube links' under RESOURCES.

Other visible items include Assignment, BigBlueButtonBN, Chat, Choice, Database, External tool, Feedback, Forum, Glossary, Interactive Content, Lesson, Quiz, SCORM package, Survey, Synopsis, Wiki, and Workshop.

Kedudukan setiap bahan yang diletakkan dalam smartums adalah seperti Rajah di atas.

Bagi mendapatkan bahan ini, hanya tiga langkah perlu dilakukan iaitu.

1. Tekan butang TURN EDITING OFF/ON
2. Tekan butang ADD ACTIVITY OR REASOURCE
3. Pilih bahan yang berkaitan

Setiap aktiviti yang akan dibentuk (create) akan menggunakan EDITOR yang sama seperti berikut:

The screenshot shows the 'Adding a new Forum' editor interface. It includes fields for 'Forum name', 'Description' (with rich text editor), 'Display description on course page', and 'Forum type' (set to 'Standard forum for general use'). On the left, a sidebar lists course administration settings like Turn editing off, Course completion, Users, and Gradebook setup.

# LAPORAN


## PENCAPAIAN SEM 1

### SESI 2020/2021

Bilangan kursus dan bilangan pensyarah yang berdaftar berubah disebabkan terdapat pensyarah yang telah berhenti dan perlantikan beberapa pensyarah jemputan. Selain itu, terdapat beberapa kursus yang bertindan dan perlu disesuaikan.

Oleh itu, bilangan telah berubah dari

audit hanya boleh diakses dari dalam kampus. Oleh itu, kiraan telah dimulakan pada bulan November dengan bilangan hanya sebanyak 34 kursus. Bilangan ini kemudian telah bertambah secara mendadak pada Disember dengan bilangan sebanyak 137 kursus. Peningkatan terus berlaku pada bulan Januari 2021 iaitu pencapaian sebanyak 197 kursus dan akhirnya berjaya mencapai 201 pada bulan Februari 2021.



214 kepada 220 kemudian menjadi 218 dan akhirnya menjadi 219. Berasaskan bilangan tersebut, proses untuk mencapai status Lulus sebagai Blended Learning telah bermula pada bulan Oktober. Namun data tidak dapat diproses disebabkan sistem

Pencapaian ini dapat dinilai dengan peningkatan peratus pencapaian. Bermula dengan hanya dengan 16 peratus pada bulan November, telah meningkat kepada 62 peratus pada bulan Disember. Peningkatan terus berlaku pada bulan Januari 2021 menjadi 90 peratus dan akhirnya meningkat kepada 92 peratus pada bulan Februari 2021.

## PENCAPAIAN FAKULTI APRIL 2021

Senarai kursus yang ditawarkan pada semester ini ditunjukkan pada Jadual di bawah

**Jadual 1: Pencapaian BL FSSK April 2021**

|                                        | 10.4.2021 | 13.4.2021 |
|----------------------------------------|-----------|-----------|
| Jumlah Keseluruhan Kursus Berdaftar    | 203       | 203       |
| Jumlah Keseluruhan Pensyarah Berdaftar | 100       | 100       |
| Jumlah Kursus                          | 212       | 212       |
| <b>Jumlah Kursus Telah BL</b>          | <b>46</b> | <b>47</b> |
| Jumlah Kursus Belum BL                 | 166       | 165       |
| Peratus Pencapaian                     | 21.7      | 22        |

Pencapaian sebanyak 22 peratus adalah hasil bilangan kursus BL iaitu sebanyak 47 kursus berbanding yang belum mencapai BL sebanyak 165 dan jumlah keseluruhan kursus adalah sebanyak 212 kursus.

Jumlah ini merangkumi sebanyak 200 bilangan kursus dengan bilangan pensyarah berdaftar adalah seramai 100 orang.



Rajah 1: Pencapaian BL FSSK  
13 April 2021

## PENCAPAIAN PROGRAM

Pencapaian berdasarkan program ditunjukkan pada Jadual 2 yang melibatkan 10 program di FSSK.

(30%). Selain itu, terdapat tiga program yang belum mencapai BL melebihi 20 peratus iaitu program ANSOS (18%), Seni Kreatif (4%) dan Seni Visual (16%)

| <b>Jadual 2. Pencapaian Blended Learning FSSK 13.4.2021</b> |                   |                    |                       |               |                |           |
|-------------------------------------------------------------|-------------------|--------------------|-----------------------|---------------|----------------|-----------|
| <b>PROGRAM</b>                                              | <b>Kod Kursus</b> | <b>Capai BL</b>    | <b>Belum Capai BL</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |           |
| ANSOS                                                       | HA14              | 3                  | 14                    | 17            | 18             |           |
| GEOGRAFI                                                    | HA18              | 5                  | 12                    | 17            | 30             |           |
| HUBUNGAN INDUSTRI                                           | HA12              | 7                  | 8                     | 15            | 46             |           |
| PENDARASAN ISLAM                                            | HI15              | 5                  | 8                     | 13            | 38             |           |
| SEJARAH                                                     | HA24              | 9                  | 19                    | 28            | 32             |           |
| KOMUNIKASI                                                  | HA02              | 9                  | 20                    | 29            | 31             |           |
| HUBUNGAN ANTARABANGSA                                       | HA15              | 5                  | 12                    | 17            | 30             |           |
| SENI KREATIF                                                | HA11              | 1                  | 28                    | 29            | 4              |           |
| SENI MUZIK                                                  | HA05              | 0                  | 24                    | 24            | 0              |           |
| SENI VISUAL                                                 | HA32              | 2                  | 10                    | 12            | 16             |           |
| PENGANTAR                                                   | AT                | 1                  | 10                    | 11            | 9              |           |
|                                                             |                   | <b>KESELURUHAN</b> | <b>47</b>             | <b>165</b>    | <b>212</b>     | <b>22</b> |

Jadual 2 menunjukkan pencapaian tertinggi adalah sebanyak 46% oleh program Hubungan Industri. Manakala terdapat beberapa program yang mencapai 30% ke atas iaitu Geografi (30%), Pendarasan Islam (38%), Sejarah (32%), Komunikasi (31%) dan Hubungan Antarabangsa



## Pencapaian BL FSSK - 20 April 2021

| Perkara                                | Jumlah |
|----------------------------------------|--------|
| Jumlah Keseluruhan Kursus Berdaftar    | 204    |
| Jumlah Keseluruhan Pensyarah Berdaftar | 101    |
| Jumlah Kursus                          | 212    |
| Jumlah Kursus Telah BL                 | 76     |
| Jumlah Kursus Belum BL                 | 136    |
| Peratus Pencapaian                     | 36     |

Bilangan kursus mencapai BL telah meningkat kepada 76 kursus berbanding 47 kursus iaitu peningkatan sekali ganda.

Namun begitu, bilangan kursus yang belum mencapai BL adalah sebanyak 136 kursus di saat semester telah memasuki minggu ke-6 iaitu menghampiri pertengahan semester.

Sehubungan dengan itu, usaha berterusan perlu dipergiatkan bagi memastikan pelajar menikmati proses pembelajaran yang sesuai dengan platform smart3ums.

## PERANCANGAN DAN BANTUAN

Bagi mencapai sasaran 100% usaha akan dilakukan dengan beberapa penambahbaikan. Antara usaha tersebut ialah beberapa cadangan berikut:

1. Pertemuan secara one 2 one dengan beberapa kursus yang belum BL sebelum ini.
2. Menghasilkan buletin berkala secara Bulanan yang memaparkan pencapaian fakulti.
3. Memperkasakan fungsi "e-learning cafe FSSK"
4. Mengadakan bengkel bagi "Reka bentuk' smartums berdasarkan Table 4 bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh FSSK.


Bagi membantu para pensyarah, pihak penyelaras telah menyediakan medium bantuan seperti berikut:

1. Ruangan smartums : <https://smartv3.ums.edu.my/>

[my/course/view.php?id=3824](http://my/course/view.php?id=3824)

## 2. Ruangan

WhatsApp: <https://chat.whatsapp.com/CoehqMfOOj7C6BVrgPVmQT>




## ISU BULANINI

### Taksonomi Blooms - Sepintas Lalu

Who is Dr. Benjamin Bloom??

- He was a teacher, thinker, & inventor
- He worked at a college
- He created a list about how we think about thinking... you may want to read that again!



1913-1999

Berikut merupakan petikan dari artikel Masrom, et.all (2018) berkaitan taksonomi ini:

"Taksonomi Bloom diasaskan pada tahun 1956 di mana ketika itu pendidikan memerlukan sistem pengelasan. Ia bagi membantu pendidik membincangkan masalah-masalah kurikulum dan penilaian dengan lebih tepat.

Namun, jarak masa yang terlalu jauh menuntut perubahan kepada penstrukturkan semula pedagogi sesuai dengan gaya pembelajaran pada abad ke 21 (Amer, 2006; Beetham & Sharpe, 2013).

Hasil penelitian mendapati dalam tempoh tersebut Taksonomi Bloom menerima banyak kritikan dari pelbagai pihak (Paul & Elder, 2006). Tidak dapat dinafikan banyak sumbangan Taksonomi Bloom dalam meletakkan asas pembelajaran pelajar (Meidasari et al. 2014). Antaranya Taksonomi Bloom membantu pelajar memperolehi perspektif mengenai penekanan yang diberikan kepada tingkah laku tertentu melalui satu set rancangan pendidikan. Contohnya, guru dapat mengelaskan kompenan sesuatu unit pengajaran ke dalam kategori taksonomi sama ada mengingat atau pengetahuan (Waterman, 2015).

### Sumber

Nursyahirah Wahidah Masrom, et.all (2018), Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif, ISLAM Journal of

Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 1 (1)

<http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/16257/1/31-Article%20Text-154-1-10-20180601.pdf>



## AKTIVI PELAJAR

### Aktiviti 1: LATIHAN INDUSTRI FSSK 2021

Sesi Perkongsian Latihan Industri bertajuk “Internship: First Step Towards A Better Career”.




Tarikh: 17 Mac 2021

Masa: 10.00am-11.30am

Satu sesi perkongsian Latihan Industri telah diadakan pada 17 Mac 2021 oleh 2 orang panel dari industri.

Ahli panel berkongsi pandangan dari perspektif majikan mengenai Latihan Industri. Mereka berkongsi tips dan nasihat yang membina sebagai persediaan untuk pelajar sebelum menjalani Latihan Industri.

Sesi perkongsian diterima dengan



baik oleh semua pelajar dan dihadiri oleh lebih daripada 100 orang pelajar dari pelbagai program Fakulti Sains Sosial.

Antara penekanan yang telah dikongsikan oleh ahli panel adalah kemahiran dalam berkomunikasi. Pelajar mesti berani dan yakin dengan apa yang mereka lakukan. Sekiranya mereka tidak memahami arahan tugas yang diberikan, mereka perlu bertanya sehingga mereka memahaminya dengan baik. Pelajar perlu berusaha untuk menonjolkan kualiti terbaik yang ada pada diri mereka.

Siti Nurbayu Mohd Yusoff  
Penyelaras Latihan Industri FSSK

## **SIDANG REDAKSI**

### **Penasihat:**

Prof. Madya Dr. Asmady Idris,  
Dekan FSSK

### **Penasihat Bersama:**

Dr. Jalihah Md. Shah,  
Timbalan Dekan Akademik FSSK

### **Ketua Pengarang:**

Dr. Mahadirin Hj. Ahmad,  
Penyelaras E-Learning

### **Penolong Pengarang:**

### **Juru Hias:**

### **Perunding Bahasa:**

### **Ketua Segmen**

### **Fokus Bulanan:**

### **Tamu Bulanan;**

### **Laporan Bulanan:**

### **Isu semasa:**

### **Aktiviti Pelajar:**

### **Kenangan Bersama**

### **Minggu Suai Mesra**



**Sambutan Maulid Nabi**



**Wacana Ilmu**



### **Maklumat Lanjut**

Pertanyaan dan maklumat tambahan boleh didapati di:  
<https://smartv3.ums.edu.my/course/view.php?id=3824&section=n=3>

### **Penafian**

Pihak Fakulti tidak akan bertanggungjawab atas segala bebanan atau kerugian kerana menggunakan maklumat dalam buletin ini.